



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **120502 : Peralatan Pemantauan dan Pengesanan ATAU 030401 : Peralatan Perkhemahan dan Aktiviti Luar ATAU 010501 : Kamera dan Aksesori** dan masih **SAH TEMPOH** serta berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan** untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT
1.	PPN.PK. (S) 102A/2023 OPK	Tawaran Semula: Bekalan Tujuh (7) Unit Dron bagi Tujuan Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2023	Tarikh & Masa: 26 Jun 2023 (Isnin) pada 10.30 Pagi Tempat Taklimat: Bilik Gerakan, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Kehadiran ke sesi taklimat adalah diwajibkan kepada semua syarikat yang berminat.			

- Syarikat-syarikat yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat Sebutharga. Tempat berkumpul, tarikh dan masa taklimat adalah sepertimana ditetapkan di atas.

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja boleh menghadiri taklimat Sebutharga.

- Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada syarikat-syarikat atau penama-penama yang **sah sahaja**. Untuk maksud ini, penama-penama atau wakil-wakilnya hendaklah mengemukakan bersama :
 - Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) beserta kod bidang yang dinyatakan; dan
 - Resit Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun 2023.
- Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.

4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai 27 Jun 2023 (Selasa) sehingga sehari sebelum tarikh tutup Sebutharga pada waktu pejabat di Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
5. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebelum atau pada 06 Julai 2023 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Disahkan Oleh :


(SITI DESSYMA BINTI ISNANI)
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan